

Bah empat daerah di Kedah pulih

ALOR SETAR - Banjir yang melanda empat daerah di negeri ini sejak Isnin lalu pulih sepenuhnya apabila kumpulan terakhir mangsa yang ditempatkan di dua pusat pemindahan di Yan dan Pendang dekat sini dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri Kedah, Mejar (PA) Imran Azemi memberitahu, kumpulan terakhir itu melibatkan seramai 72 orang daripada 26 keluarga yang ditempatkan di

Surau Kampung Sungai Lintang di Yan dan Dewan Cenderawasih di Ayer Puteh, Pendang dekat sini.

"Pusat pemindahan di surau Kampung Sungai Lintang ditutup pada pukul 10 pagi ini (semalam) manakala pusat pemindahan di Dewan Cenderawasih ditutup dua jam selepas itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata beliau, dua pusat pemindahan tersebut adalah yang terakhir ditutup daripada 17 pusat pemindahan yang dibuka

sejak Isnin lalu di empat daerah iaitu di Yan, Kuala Muda, Pendang dan Baling.

Tambahnya, jumlah keseluruhan mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan ialah seramai 1,029 orang daripada 275 keluarga.

Kosmo! pada Rabu lalu melaporkan, seramai 685 penduduk daripada 172 keluarga di 14 buah kampung di Yan, Kuala Muda dan Yan dipindahkan ke pusat pemindahan selepas rumah mereka ditenggelami banjir.